

14 JUN 1998

Mahathir-Pasaran

PENDIRIAN TEGAS M'SIA TIDAK PENGARUHI EKONOMI

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kenyataan agresif berhubung kegawatan ekonomi di Malaysia tidak menambah atau mengurangkan tekanan daripada kuasa pasaran.

Beliau berkata, ini kerana ada negara yang tidak mengeluarkan kenyataan agresif tetapi turut menjadi mangsa kuasa pasaran.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Mesyuarat selama 90 minit itu dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat, naib-naib presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan para pemimpin 14 parti komponen BN.

Menurut Dr Mahathir, ada pemimpin BN yang mengesyorkan agar Malaysia mengambil pendekatan yang lebih "halus" dan mengelak daripada pendekatan agresif.

"Saya jelaskan kepada mereka, agresif atau, tak agresif, itu semua tidak menjadi masalah," katanya.

Menurut beliau, ada juga pemimpin parti komponen yang takut mengeluarkan sesuatu kenyataan kerana bimbang sekiranya kenyataan itu tidak disukai oleh kuasa pasaran maka ekonomi negara akan ditekan menerusi penurunan nilai mata wang atau penghijrahan modal ke negara lain.

"Jadi kita bincang bagaimana ketakutan itu boleh dikurangkan," katanya, tanpa menjelaskannya dengan lebih lanjut.

Mengenai kadar faedah pinjaman yang harus dipatuhi institusi kewangan, beliau berkata satu formula baru untuk menetapkan kadar yang sesuai sedang dikaji tetapi tidak dapat menyatakannya secara terperinci kerana ianya "sensitif".

Dr Mahathir, yang kelihatan riang, juga ditanya pandangannya mengenai rencana yang ditulis dalam edisi terbaru majalah "Times".

Menurut beliau, rencana itu mencerminkan kebebasan yang hanya dinikmati oleh akhbar.

"Kebebasan akhbar bermakna mereka boleh berkata apa sahaja yang mereka mahu tetapi kita tidak boleh berkata apa-apa...temubual itu memakan masa sejam tetapi hanya sebahagian kecil daripada temubual itu disiarkan dan kebanyakannya pula adalah negatif.

"Apabila anda cuba menjadikan satu jawapan satu ayat, anda mungkin menghantar mesej yang salah. Tetapi saya tidak berhak meminta jawapan penuh saya disiarkan dalam majalah itu kerana itulah yang dikatakan kebebasan akhbar.

"Kebebasan bermakna anda boleh menekan berita-berita yang anda tidak mahu khasnya mengenai mereka yang tidak popular seperti saya".

Dalam rencana itu Dr Mahathir telah ditanya pelbagai soalan terutamanya mengenai langkah-langkah Malaysia dalam menangani masalah ekonomi. Penulisnya juga mendakwa Petronas dan Malaysia International Shipping Corporation (MISC) terbabit dalam program menyelamatkan syarikat perkapalan anaknya, Mirzan.

-- BERNAMA

RA MNY PR